

**HUBUNGAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DENGAN  
ELEMEN DALAM KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR  
PELANCONGAN KOLEJ VOKASIONAL**

**NOR SALWANA BINTI AHMAD IDRIS**

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional.



Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MAC 2023

## **DEDIKASI**

Teristimewa buat ayah dan mak yang tersayang,  
Hj. Ahmad Idris bin Mohamad Nor dan Hjh. Siti Zakharah binti Ibus,  
Didahului dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala perhatian  
dan doa yang diberikan sepanjang hidup ini, sekalung penghargaan juga diucapkan di  
atas segala sokongan, semangat serta nasihat yang kalian berikan...

Tidak dilupakan adik-beradik yang dikasihi,  
Muhamad Sukri, Nooraini, Nor Aiza, Norhayati, Nor Aniza dan  
Muhamad Nurdin,  
Terima kasih kerana sentiasa memberikan dorongan dan semangat buatku dalam  
menyiapkan tesis ini...



## PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nurul Hidayah Liew Abdullah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan kepada saya sepanjang penghasilan tesis ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan dari beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah KV program pelancongan yang sudi membantu menjadi perantaraan antara saya dengan responden kajian. Kerjasama yang diberikan amatlah saya hargai.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kawan-kawan saya, Encik Akmal Jaafar, Encik Atif Wafi Mhd Na'im, Puan Munirah Hanim Saidi dan Encik Mohd Fadhil Mohd Wira yang sudi membantu saya untuk mendapatkan pensyarah-pensyarah KV program pelancongan. Kesudian yang diberikan mereka amatlah saya hargai.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan dan cadangan kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan yang berguna untuk tatapan generasi pada masa akan datang.

## ABSTRAK

Kemahiran insaniah terutamanya kemahiran berkomunikasi amat dititiberatkan dalam industri seperti industri pelancongan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan kemahiran berkomunikasi dengan elemen-elemen dalam kemahiran insaniah. Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data kajian. Seramai 229 orang pelajar diploma pelancongan KV tahun 1 dan 2 telah dipilih sebagai responden kajian. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan dan data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* versi 26.0 seperti min, sisihan piawai, peratusan, kekerapan dan korelasi *Spearman's rho*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran kerja berpasukan berada pada tahap tinggi, manakala kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan serta etika dan moral profesional berada pada tahap sederhana. Analisis korelasi *Spearman's rho* menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan. Namun, kekuatan hubungan antara setiap satu elemen adalah berbeza iaitu hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan pemikiran kritis dan kemahiran meyelesaikan masalah adalah kuat. Hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran kepimpinan serta kemahiran keusahawanan adalah sederhana. Manakala hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral profesional adalah lemah. Kesimpulannya, penguasaan kemahiran insaniah pelajar pelancongan KV masih berada pada tahap sederhana. Implikasi kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan agar dapat merancang aktiviti berkesan untuk mencapai kemahiran insaniah yang tinggi dalam kalangan pelajar pelancongan KV.

## ABSTRACT

Soft skills, especially communication skills, are highly important in tourism industry. Therefore, this study was conducted to examine the relationship between communication skills and elements in soft skills. The design of this study is in the form of a survey using a quantitative approach and a questionnaire is used to obtain research data. A total of 229 KV tourism diploma students in year 1 and 2 were selected as respondents to the study. Descriptive and inferential statistics were used and research data were analyzed using Statistical Package for the Social Science version 26.0 such as mean, standard deviation, percentage, frequency and Spearman's rho correlation. The findings of the study show that teamwork skills are at a high level, while communication skills, critical thinking and problem solving, continuous learning and information management, leadership skills and professional ethics and morals are at a moderate level. Spearman's rho correlation analysis shows that there is a significant relationship. However, the strength of the relationship between each element is different, ie the relationship between communication skills with critical thinking and problem solving skills is strong. The relationship between communication skills and leadership skills as well as entrepreneurial skills is moderate. While the relationship between communication skills and teamwork skills, continuous learning and information management as well as professional ethics and morals is weak. In conclusion, the mastery of soft skills of KV tourism students is still at a moderate level. The implications of this study can be used as a reference for stakeholders to be able to plan effective activities to achieve high soft skills among KV tourism students.

## KANDUNGAN

<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Kepentingan Kajian	12

1.9.1	Pelajar	12
1.9.2	Pensyarah	13
1.9.3	Kolej Vokasional	13
1.9.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	14
1.10	Kerangka Konsep Kajian	14
1.11	Definisi Operasi Istilah	15
1.11.1	Kemahiran insaniah	15
1.11.2	Kemahiran berkomunikasi	16
1.11.3	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	16
1.11.4	Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah	17
1.11.5	Kemahiran keusahawanan	17
1.11.6	Kemahiran kepimpinan	17
1.11.7	Kemahiran kerja berpasukan	18
1.11.8	Etika dan moral profesional	18
1.11.9	Pelancongan	18
1.11.10	Program Pelancongan KV	18
1.12	Rumusan	19
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>20</b>
2.1	Pengenalan	20
2.3	Program Pelancongan di Kolej Vokasional	20
2.4	Industri Pelancongan	22
2.5	Kemahiran Insaniah	24
2.6	Ringkasan Kemahiran Insaniah antara Negara	32
2.7	Elemen Kemahiran Insaniah Kementerian	

Pengajian Tinggi, Malaysia	34
2.7.1 Kemahiran Berkomunikasi	34
2.7.2 Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	36
2.7.3 Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	38
2.7.4 Kemahiran Keusahawanan	40
2.7.5 Kemahiran Kepimpinan	41
2.7.6 Kemahiran Kerja Berpasukan	42
2.7.7 Etika dan moral profesional	44
2.8 Kepentingan Kemahiran Insaniah	45
2.9 Model Konseptual Kemahiran Insaniah	46
2.10 Rumusan	48
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>50</b>
3.1 Pengenalan	50
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.3 Populasi Kajian	51
3.4 Instrumen Kajian	52
3.5 Kesahan	54
3.6 Kebolehpercayaan	55
3.7 Kajian Rintis	56
3.8 Prosedur Kajian	57
3.9 Kaedah Analisis	59
3.10 Rumusan	61

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	62
4.2	Prosedur Analisis Data	62
4.3	Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	63
4.4	Ujian Normaliti	63
4.5	Statistik Deskriptif	64
4.6.1	Analisis Demografi Responden Kajian	64
4.6.2	Tahap kemahiran berkomunikasi pelajar pelancongan KV	66
4.6.3	Tahap pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar pelancongan KV	67
4.6.4	Tahap pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat pelajar pelancongan KV	70
4.6.5	Tahap kemahiran keusahawanan pelajar pelancongan KV	72
4.6.6	Tahap kemahiran kepimpinan pelajar pelancongan KV	73
4.6.7	Tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar pelancongan KV	75
4.6.8	Tahap etika dan moral profesional pelajar pelancongan KV	77
4.7	Hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan	

elemen-elemen dalam kemahiran insaniah	79
4.8 Rumusan	80
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
<b>KAJIAN</b>	<b>82</b>
5.1 Pengenalan	82
5.2 Tahap kemahiran insaniah pelajar pelancongan KV	82
5.3 Hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan elemen-elemen dalam kemahiran insaniah	92
5.4 Kesimpulan	98
5.5 Implikasi Kajian	99
5.5.1 Pelajar	99
5.5.2 Pensyarah	100
5.5.3 Kolej Vokasional	101
5.5.4 Kementerian Pendidikan Malaysia	101
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	102
5.7 Sumbangan kajian	103
5.8 Penutup	104
<b>RUJUKAN</b>	<b>105</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>126</b>
<b>VITA</b>	<b>201</b>

## SENARAI JADUAL

1.1	Terminologi kemahiran insaniah di pelbagai negara	2
2.1	Kemahiran insaniah di UK	27
2.2	Kemahiran insaniah di Kanada	28
2.3	Kemahiran insaniah di Amerika Syarikat	29
2.4	Ciri-ciri KIM yang telah digariskan oleh KPT	30
2.5	Ciri-ciri KIT yang telah digariskan oleh KPT	31
2.6	Ringkasan Kemahiran Insaniah antara Negara	32
2.7	Keterangan lapan elemen kemahiran berkomunikasi (CS)	36
2.8	Keterangan tiga elemen pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat (LL)	38
2.9	Keterangan tujuh elemen pemikiran kritis dan Menyelesaikan masalah (CTPS)	39
2.10	Keterangan empat elemen kemahiran keusahawanan (ES)	40
2.11	Keterangan empat elemen kemahiran kepimpinan (LS)	42
2.12	Keterangan lima elemen kemahiran kerja berpasukan (TS)	43
2.13	Keterangan tiga elemen etika dan moral profesional (EM)	44
3.1	Populasi kajian	51
3.2	Instrumen Pembahagian Soal Selidik	52
3.3	Skala Likert Lima Mata	54
3.4	Interprestasi Skor <i>Cronbach's Alpha</i>	55

3.5	Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i>	56
3.6	Skor Min dan Interpretasi Data	59
3.7	Kekuatan nilai pekali korelasi	60
3.8	Jadual Metodologi berdasarkan persoalan kajian	60
4.1	Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov	64
4.2	Taburan Responden mengikut jantina	65
4.3	Taburan Responden mengikut tempat pengajian	65
4.4	Taburan Responden mengikut tahun pengajian	66
4.5	Tahap kemahiran berkomunikasi pelajar pelancongan KV	67
4.6	Tahap pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar pelancongan KV	69
4.7	Tahap pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat pelajar pelancongan KV	71
4.8	Tahap kemahiran keusahawanan pelajar pelancongan KV	72
4.9	Tahap kemahiran kepimpinan pelajar pelancongan KV	74
4.10	Tahap kemahiran kerja berpasukan pelajar pelancongan KV	76
4.11	Tahap etika dan moral profesional pelajar pelancongan KV	78

4.12	Analisis Skor Min Elemen Kemahiran Insaniah	79
4.13	Analisis korelasi antara kemahiran berkomunikasi dengan elemen-elemen dalam kemahiran insaniah	80



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep kajian	15
2.1	Model Konseptual Kemahiran Insaniah KPT	47
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	58



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

ACCI	<i>The Australia Chamber of Commerce and Industry</i>
AMA	<i>American Management Assosiation</i>
BCA	<i>The Business Council of Australia</i>
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
CS	<i>Communication Skills</i>
CTPS	<i>Critical Thingking and Problem Statement</i>
Covid-19	<i>Corona Virus-19</i>
ES	<i>Enterpreneurship Skils</i>
EM	<i>Professional ethics and morals</i>
FKPB	Federasi Kebangsaan Pekerja Belia
H <sub>o</sub>	Hipotesis nul
H <sub>a</sub>	Hipotesis alternatif
HRD	<i>Human Resources Development</i>
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
KI	Kemahiran Insaniah
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KIM	Kemahiran Insaniah Mesti
KIT	Kemahiran Insaniah Tambah
LS	<i>Leader Skills</i>
LL	<i>Lifelong Learning and Information Management</i>
MQA	<i>Malaysian Qualification Agency</i>
MQF	<i>Malaysian Qualification Framework</i>
NCVER	<i>National Centre for Vocational Education Research</i>

PLTV	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
RMK-9	Rancangan Malaysia ke-9
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SCANS	<i>The Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills</i>
STK	Setiausaha Tenaga Kerja
SP	Sisihan piawai
SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Sciences</i>
TP	Tidak pasti
TS	<i>Teamwork Skills</i>
TM	<i>Time Management</i>
TVET	Technical and Vocational Education and Training
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UK	United Kingdom
UNWTO	<i>United Nations World Tourism Organization</i>



**SENARAI LAMPIRAN**

A	Borang soal selidik	126
B	Borang semakan soal selidik	133
C	Output kajian rintis	141
D	Output kebolehpercayaan kajian sebenar	169
E	Output kajian sebenar	175
F	Output ujian normaliti	186
G	Output korelasi Spearman's rho	187
H	Surat kebenaran EPRD	190
I	Surat kebenaran JPNK	191
J	Surat kebenaran JPNS	192
K	Surat kebenaran JPNS	194
L	Surat kebenaran pelajar	195

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Keperluan tenaga kerja yang berkemahiran sangat diperlukan oleh majikan dalam proses pemilihan pekerja. Hal ini kerana memiliki tenaga kerja yang berkemahiran dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara serta dapat melahirkan modal insan yang produktif untuk negara. Menurut Sulaiman dan Salleh (2016), kecekapan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri adalah sangat diperlukan. Sehubungan itu, kerajaan telah menstruktur semula sistem pendidikan di negara ini dengan mengenal pasti perubahan dan paradigma baharu yang telah dilaksanakan terutamanya dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) (Jamaludin, 2014). Oleh itu, pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan dijadikan sebagai salah satu pencetus kepada masyarakat yang berkemahiran tinggi.

Kolej vokasional (KV) merupakan salah sebuah institusi pendidikan yang menawarkan latihan vokasional selepas peringkat sekolah menengah berlandaskan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) untuk merealisasikan modal insan berakhlak mulia, berilmu serta berkemahiran tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh graduan di Malaysia. Antaranya ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan

pengurusan maklumat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan serta etika dan moral profesional.

Kemahiran insaniah (KI) atau kemahiran generik atau ‘*soft skills*’ perlu dikuasai oleh setiap individu dalam membina hubungan yang baik terhadap diri sendiri serta dengan orang lain (Lau *et al.*, 2015 & Yaacob, Ali & Wahab, 2017). Menurut Pandey dan Anand (2020), kemahiran insaniah perlu dipupuk dalam diri pelajar kerana kemahiran ini boleh memberikan kelebihan kepada pelajar dalam mencapai kejayaan dalam kehidupan. Oleh itu, kemahiran insaniah telah dijadikan perkara utama dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

KI turut dikenali dengan beberapa istilah yang berbeza di luar negara. Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang diperaktikkan dan matlamat yang digunakan adalah hampir sama (Lau *et al.*, 2015). Di peringkat antarabangsa, kemahiran insaniah dikenali dengan beberapa terma antaranya *core skills*, *soft skills*, *basic skills*, *employability skills* dan lain-lain lagi. Di sesetengah negara meletakkan kemahiran ini khususnya berkaitan dengan pekerjaan serta penekanan yang lebih besar terhadap perkaitan sosial kemahiran insaniah (*National Centre for Vocational Education Research* (NCVER), 2003) seperti pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Terminologi kemahiran insaniah di pelbagai negara

*National Centre for Vocational Education Research* (NCVER, 2003)

Negara	Terminologi Kemahiran Insaniah
Australia	<i>Key competencies, employability skills, generic skills</i>
Amerika Syarikat	<i>Basic skills, necessary skills, workplace know-how</i>
Denmark	<i>Process independent qualifications</i>
Jerman	<i>Key qualifications</i>
Kanada	<i>Employability skills</i>
New Zealand	<i>Essential skills</i>
Perancis	<i>Transferable skills</i>
Singapura	<i>Critical enabling skills</i>
Switzerland	<i>Trans-disciplinary goals</i>
United Kingdom	<i>Core skills, key skills, common skills</i>

Dalam pendidikan vokasional di Malaysia, program pelancongan diperkenalkan untuk persediaan tenaga kerja yang dituntut oleh industri pelancongan

(Ana *et. al.*, 2016). Industri pelancongan mewujudkan kesan berganda dalam ekonomi dan menyediakan banyak peluang pekerjaan. Namun begitu, untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir telah menjadi satu cabaran di banyak negara (Yorke & Knight, 2004; Alharthi *et. al.*, 2019). Isu KI masih menjadi salah satu masalah negara kerana modal insan yang dihasilkan tidak berjaya menguasai KI yang merupakan kemahiran utama dalam pasaran kerja pada masa kini (Aziza & Amir, 2017). Ketidakpadanan kemahiran graduan dengan permintaan industri adalah disebabkan oleh graduan yang tidak cekap seperti mempunyai kemahiran berfikir yang rendah, sukar membuat keputusan, kurang kemahiran berkomunikasi serta tidak dapat bekerja dalam kumpulan (Nooriah & Zakiah, 2017).

Ramai penyelidik telah menekankan mengenai kepentingan pembangunan kemahiran berkomunikasi untuk pelajar siswazah (Lim *et. al.*, 2016; Plant & Slippers, 2015; Conrad & Newberry, 2012; Robles, 2012; Wang *et. al.*, 2009 & Zehrer & Mössenlechner, 2009). Menurut Weber *et. al.* (2009) serta Succi dan Canovi (2020), kemahiran berkomunikasi berkait rapat dengan prestasi kerja dan kebolehpasaran yang lebih baik. Kemahiran berkomunikasi adalah salah satu kemahiran yang amat dititikberatkan terutamanya majikan dan industri. Individu yang mempunyai tahap kemahiran berkomunikasi yang lebih tinggi cenderung untuk dipilih sebagai pemimpin.

Justeru, kepentingan pembangunan modal insan dalam era Revolusi Industri 4.0 adalah sangat diperlukan diperlukan dan kajian ini akan meninjau salah satu elemen pembangunan modal insan iaitu kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar pelancongan KV. Hal ini berikutan kemahiran insaniah yang mengkhususkan pelajar pelancongan KV amat jarang dibahaskan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan kemahiran berkomunikasi dengan elemen dalam kemahiran insaniah pelajar pelancongan KV.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran insaniah merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting untuk diberikan kepada pelajar sebagai persediaan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan. Industri pelancongan ialah antara industri yang pesat berkembang di serata dunia (Garg & Garg, 2019). Perkembangan industri pelancongan ini

memerlukan tenaga kerja mahir yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran insaniah. Youssef (2017), menegaskan dua sebab utama mengapa kemahiran insaniah adalah keperluan penting untuk industri pelancongan. Antaranya ialah pelancongan merupakan industri berdasarkan perkhidmatan dan kemahiran insaniah diperlukan untuk membolehkan pekerja bekerjasama dan berkhidmat kepada pelanggan dengan betul. Selain itu, pelancongan merupakan aktiviti riadah dan pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah akan menyumbang kepada kebahagiaan pelancong. Menurut Yiu dan Law (2012), pelajar yang terlibat dalam industri pelancongan memerlukan pelbagai kemahiran di tempat kerja seperti komunikasi interpersonal, keusahawanan, kemahiran menyelesaikan masalah, kecekapan dan kemahiran teknikal yang tertentu. Oleh itu, pelajar pelancongan KV disarankan untuk menguasai setiap elemen kemahiran insaniah supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan apabila berada dalam dunia pekerjaan kelak.

Kemahiran insaniah yang paling penting dalam industri pelancongan ialah kemahiran berkomunikasi (Wesley, jackson & Lee, 2017; Jiang & Alexakis, 2017; Robles, 2012; Zehrer & Mössenlechner, 2009). Kepentingan kemahiran insaniah khususnya kemahiran berkomunikasi telah diiktiraf secara meluas sehingga menjadi topik penyelidikan yang menonjol terutamanya dari segi kemahiran insaniah pelajar yang diperlukan di tempat kerja (Tanković, Kapeš & Kraljić, 2021). Oleh itu, pelajar pelancongan KV perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi yang cekap supaya apabila berada di alam pekerjaan mereka dapat mengekalkan persekitaran kerja yang positif antara pelanggan, rakan sekerja dan pihak majikan. Persekitaran perniagaan pada masa kini memerlukan pekerja berkomunikasi dalam pelbagai suasana sama ada bersemuka atau maya, formal atau tidak formal (Jackson, 2014). Sehubungan itu, pelajar pelancongan KV yang memiliki dan menguasai kemahiran berkomunikasi ini akan menjadi pilihan utama majikan dalam pemilihan kerja kelak untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan aktiviti harian industri pelancongan berjalan dengan lancar.

Rungutan yang sering menjadi perhatian majikan sewaktu pemilihan pekerja adalah kelemahan graduan dalam kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, penguasaan bahasa Inggeris, kemahiran membuat keputusan dan sebagainya (Hamid *et.al.*, 2022). Kekurangan kemahiran tersebut akan menyukarkan graduan untuk mendapatkan pekerjaan dalam industri. Dalam kehidupan seharian,

kemahiran berkomunikasi merupakan tonggak penting ketrampilan peribadi seseorang. Hal ini kerana menerusi kemahiran berkomunikasi akan dapat membantu kesediaan pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan. Menurut Hamid *et. al.* (2022), menerusi kemahiran berkomunikasi juga pelajar akan mampu menghadapi persaingan dan berkebolehan dalam menyerlahkan lagi tahap pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat beberapa kajian yang mendapati bahawa tahap kemahiran berkomunikasi pelajar masih lagi sederhana.

Banyak kajian telah melaporkan bahawa institusi TVET masih bergelut untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran berkomunikasi untuk mendapatkan kerja yang kukuh (Mourshed *et. al.*, 2014 & Nagendra *et. al.*, 2013). Kemahiran berkomunikasi merupakan kriteria yang diperlukan oleh majikan dalam keperluan pekerjaan dan mampu mencerminkan keperibadian bakal pekerja. Justeru, pelajar pelancongan KV perlu memiliki kemahiran berkomunikasi supaya mereka menjadi salah satu pekerja yang diidamkan oleh majikan. Penemuan penyelidikan terdahulu juga telah menunjukkan bahawa pentingnya kemahiran berkomunikasi kepada pelajar untuk berada dalam industri yang sebenar. Oleh itu, pelajar pelancongan KV perlu menguasai kemahiran berkomunikasi supaya mereka dapat menangani sebarang masalah yang berlaku antara pelanggan dan mampu berinteraksi dengan baik.

Menurut Hamid *et. al.* (2022), kebanyakkan pelajar mempunyai kelemahan yang ketara apabila berhadapan dengan khalayak bagi menyampaikan sesuatu pembentangan. Pelajar TVET didapati mempunyai keyakinan diri yang rendah dalam menyampaikan sesuatu pengucapan adalah disebabkan kurang mahir dalam melakukan pembentangan di depan khalayak ramai (Mandel, 2000, Hamid *et. al.*, 2022). Sehubungan itu, pelajar pelancongan KV perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam berkomunikasi supaya mereka dapat melakukan sesuatu pembentangan dengan berkesan. Selain itu, Reave (2004), menyatakan bahawa terdapat jurang dan kekurangan aspek komunikasi di dalam kalangan pelajar TVET terutamanya untuk menyampaikan sesuatu pembentangan. Oleh itu, pelajar pelancongan KV disarankan untuk menguasai kemahiran berkomunikasi supaya mereka berkemampuan untuk komunikasi secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi dengan orang sekeliling.

Di samping itu, menurut Ahmad dan Majid (2018), komunikasi pelajar dalam bahasa Inggeris mendatangkan sedikit masalah, disampaikan dengan kurang memuaskan dan kurang yakin oleh pelajar. Hal ini akan mempengaruhi kepada kemampuan pelajar untuk menyiapkan tugas yang diberikan kepada mereka. Jasim dan Khalifa (2019); Ubaka dan Ukwe (2019) serta Gardner *et. al.* (2005), menyatakan bahawa kekurangan kemahiran pelajar dalam komunikasi dan menulis akan mempengaruhi kepada pencapaian akademik pelajar. Hal ini kerana pelajar yang tidak mempunyai kepercayaan diri serta keyakinan diri yang rendah untuk berkomunikasi secara lisan atau bukan lisan akhirnya akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Oleh itu, kemahiran berkomunikasi perlu dikuasai oleh pelajar pelancongan KV untuk memastikan mereka menjadi salah seorang pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran di samping mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang..

Selain itu, Reaves (2004), menyatakan bahawa masih terdapat ketidakpadanan antara hasil jangkaan kursus komunikasi dan kebolehan berkomunikasi pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat interaksi yang kurang baik antara industri dan pembangunan kurikulum yang telah membawa kepada permasalahan ini. Nagendra *et. al.* (2013), menyatakan bahawa terdapat hala tuju yang lemah untuk reka bentuk dan penilaian kurikulum dalam meningkatkan penguasaan kemahiran berkomunikasi ini di institusi TVET. Oleh itu, pihak berkepentingan terhadap kurikulum pelajar di TVET perlu membuat semakan semula untuk memastikan pelajar dapat menguasai setiap elemen kemahiran insaniah yang diterapkan kepada mereka terutama sekali kemahiran berkomunikasi.

Dapatan kajian Halik Bassah (2022), mendapati bahawa graduan TVET masih lagi kekurangan kemahiran insaniah dan pakar industri telah mengenal pasti bahawa graduan TVET lemah dalam berkomunikasi terutamanya apabila berurusan dengan pelanggan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar pelancongan KV perlu memiliki kemahiran berkomunikasi yang afektif untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan pelanggan serta mampu menggunakan pemikiran yang kritis untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan membuat penilaian yang berjustifikasi. Komunikasi akan berjalan lancar apabila diselaraskan dengan beberapa kemahiran lain dalam kemahiran insaniah (Suranto, 2011). Oleh itu, pelajar pelancongan KV perlu memiliki kemahiran berkomunikasi dan kemahiran insaniah

yang lain untuk membentuk keterampilan diri yang cemerlang dan menjadi seseorang individu yang berkeyakinan dan berani dalam meningkatkan disiplin diri.

Dapatkan kajian Hassan *et. al.* (2009), menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi memainkan peranan penting dalam usaha untuk membentuk hubungan baik dengan pelanggan. Kemahiran berkomunikasi harus dipelajari oleh pelajar pelancongan KV kerana apabila berada di industri pelajar akan dapat menyampaikan maklumat kepada pelanggan dengan berkesan, mengeratkan hubungan dengan pelanggan serta dapat menyelesaikan masalah yang rumit dengan pelanggan. Di samping itu, kajian Krish *et. al.* (2014), menunjukkan bahawa kemahiran insaniah seperti kemahiran interpersonal dan kefahaman bahasa perlu dititikberatkan. Hal ini kerana kegagalan berkomunikasi secara efektif akan menjadi halangan kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan pelanggan.

Memandangkan kemahiran berkomunikasi adalah kemahiran yang utama dalam industri pelancongan, hubungan antara kemahiran berkomunikasi dengan elemen kemahiran insaniah yang lain masih belum begitu jelas. Menurut Kennedy dan Nilson (2008), mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan dan kerjasama dalam ahli kumpulan menyumbang kepada kekuatan kerja berpasukan. Di samping itu, Yao (2015), menyatakan bahawa komunikasi antara kepimpinan dan kerja berpasukan boleh mempengaruhi prestasi sesebuah organisasi. Hasil kajian Khademian dan Tehrani Nesrat (2017), mendapati bahawa wujud hubungan positif sederhana antara kemahiran berkomunikasi dengan kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, struktur pasukan dan dimensi komunikasi.

Selain itu, hasil kajian Wikaningrum dan Yuniawan (2018), mendapati bahawa komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan. Hasil kajian Shokri *et. al.* (2014) dan Anuar *et. al.* (2021), memaparkan wujud hubungan positif antara kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan. Hal ini membuktikan bahawa kemahiran berkomunikasi yang tinggi merupakan ciri utama untuk menjadi pemimpin yang baik. Hasil kajian Han, Ahn dan Hwang (2019), mendapati bahawa kemahiran berkomunikasi mempunyai hubungan korelasi positif yang tinggi dengan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Dapatkan kajian Nguyen *et. al.* (2022), pula menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi mempunyai hubungan positif dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar.

## RUJUKAN

- Abayadeera, N., Watty, K., & Zhou, H. (2016). *Generic Skills In Accounting Education In a Developing Country: Exploratory Evidence From Sri Lanka*. Asian Review Of Accounting.
- Abbas, R. B. (2017). *Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah Dengan Etika Dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia*. Online Journal Of Islamic Education.
- Abd Razak, M. F. (2019). *Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah Di Klang Attarbawiy*: Malaysian Online Journal Of Education, 3(1), 69-80.
- Abdullah, N. B., Hussin, S. F. Z., & Hashim, N. A. B. (2021). *Penguasaan Kemahiran Insaniah Melalui Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Kokurikulum Di Politeknik Metro Johor Bahru*. Online conference, E-Proceeding NASCO.
- Abd Samad, N., Jalanic, N. H., Harunb, H., Amiruddind, M. H., Ahmade, W. M. R. W., & Keongf, A. P. P. (2014). *Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir Di Politeknik Primier Malaysia*. Seminar Antarabangsa Pertama Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- Abd Razak, M. F. (2019). *Hubungan Pengurusan Kokurikulum Dan Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah Di Klang*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abu Bakar, Z., Abang Madni, D. R. (2008). *Penggunaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Di Fakulti Kejuruteraan Awam Uitm, Sarawak*. Di capai daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/11331/1/Penggunaan\\_Bahasa\\_Inggeris\\_Di\\_Kalangan\\_Pelajar\\_Diploma\\_Kejuruteraan\\_Awam.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11331/1/Penggunaan_Bahasa_Inggeris_Di_Kalangan_Pelajar_Diploma_Kejuruteraan_Awam.pdf)

- Adnan, A. H. M., Ramalingam, S., Ilias, N., & Mt Tahir, N. T. (2012). *Critical thinking, problem solving, lifelong learning and information management skills: a survey of Malaysian ICT students and their learning of soft-skills*. In Proceedings of the International Conference on Active Learning (ICAL)
- Ahmad, N.L. & Majid, N.A. (2018). *Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 43(2), 17-27. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-022012>, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (Vol. 1, pp. 330-335).
- Ahmad, N. A., Mahamod, Z., & Aziz, Z. (2016). *Pengajaran kemahiran komunikasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2(2), 11-18.
- Ahmad, A. M., Hussin, Z., Malik, M. A., Yusof, F., & Jamil, M. R. M. (2017). *Masalah Etika Dan Akhlak Pelajar Kemahiran Kejuruteraan: Analisis Keperluan*. Buku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 5(2), 34-45.
- Akhsan, E. M., & Othman, N. (2019). *Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4(31), 305-317.
- Alharthi, B. A. F. H., Khalifa, G. S. A., Ameen, A., Isaac, O., & Al-Shibami, A. H. (2019). *Investigating the Influence of Strategic Planning on University Operational Performance: The Mediating Role of Organizational Commitment in UAE*. International Business Management, 13(2), 49-62.
- Ali, M. F., Salleh, N. B., & Junaidi, J. (2007). *Mengkaji Hubungan Di Antara Pembelajaran Koperatif (Kemahiran Generik) Dengan Kemahiran Menggunakan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek Telekomunikasi Dan Rangkaian Di Fakulti Pendidikan, Utm, Skudai, Johor*. Department of Educational Multimedia Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Aljaman, S. (2019). *Communication skills of University Students and their Relation to Some Variables*. Route Educational & Social Science Journal, 6(3), 135-156.

- Aluko, Y. (2014). *Gender Influence On Potential Graduates Perceptions Of The Importance Of Employability Skills: An Exploratory Study*. East African Journal of Educational Research and Policy - Vol. 10, Dec. 2014
- Alyammahi, A., Alshurideh, M., Kurdi, B. A., & Salloum, S. A. (2020). *The Impacts Of Communication Ethics On Workplace Decision Making And Productivity*. In International Conference On Advanced Intelligent Systems And Informatics (Pp. 488-500). Springer, Cham.
- American Management Association. (2010). *Executives Say The 21st Century Requires More Skilled Workers*.
- Amin, H. M., Jaafar, J., Hood, Z., Saad, S., & Amin, H. M. (2013). *Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswa: Analisis Perbezaan Jantina*. Jurnal Teknologi, 61(1).
- Amiruddin, M. H., Ngadiran, I. A., Zainudin, F. L., & Ngadiman, N. (2016). *Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 12(3), 111-121.
- Anuar, N. F. A., Fauzi, N. F., Halim, H. Z. A., Khairudin, N. I., Bakhtiar, N. S. A., & Shafii, N. H. (2021). *The Role of Effective Communication in Enhancing Leadership Skills Among Students of Bachelor of Management Mathematics in UiTM Perlis*. Journal of Computing Research and Innovation, 6(4), 70-79.
- Ana, A., Hurriyati, R., Rostika, Y., & Nazeri, M. (2016). *Entrepreneurial intentions of tourism vocational high school students in Indonesia and Malaysia*. Journal of Technical Education and Training, 8(2).
- Aris, A. & Yunus, A. R. (2016). *Siri Latihan Pembangunan Staf: Komunikasi Berkesan*. Reasearchgate. Dicapai daripada [https://www.researchgate.net/publication/308414649\\_KOMUNIKASI\\_BER\\_KESAN](https://www.researchgate.net/publication/308414649_KOMUNIKASI_BER_KESAN)
- Aspin, D., & Chapman, J. (2001). *Lifelong Learning: Concepts, Theories and Values*. In Proceedings of the 31<sup>st</sup> Annual Conference of SCUTREA, University of East London, UK, 3-5 July 2001, 38-41.
- Australian Education Council-Mayer Committee. (1992). *Key Competencies. Report of the Committee to Advise the Australian Education Council and Ministers of Vocational Education, Employment and Training on Employment-related*

- key competencies for post compulsory education and training.* Canberra: Australian Education Council and Ministers of Vocational Education, Employment and Training.
- Aziza, N. D. A., & Amir, R. (2017). *Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah Teknik Dan Kolej Vokasional.* Journal Of Experimental Psychology: General, 136(1), 23–42.
- Bajunid, I. A. (2006). *Andy Hargreaves And Dean Fink, Sustainable Leadership.*
- Bhasin, B. S. (2017). *Critical Thinking is the Key to Effective Communication.* Dicapai daripada <https://www.linkedin.com/pulse/critical-thinking-key-effective-communication>
- Basore, C. (2008). *Communicating Ethically: Analyzing Principles Of Ethical Communication.* Dicapai daripada [http://www.communicationcache.com/uploads/1/0/8/8/10887248/communicating\\_ethically\\_-\\_analyzing\\_principals\\_of\\_ethical\\_communication.pdf](http://www.communicationcache.com/uploads/1/0/8/8/10887248/communicating_ethically_-_analyzing_principals_of_ethical_communication.pdf)
- Bell, R. (2016). *Unpacking The Link Between Entrepreneurialism And Employability: An Assessment Of The Relationship Between Entrepreneurial Attitudes And Likelihood Of Graduate Employment In a Professional Field.* Education + Training. 58. 2-17. DOI:10.1108/ET-09-2014-0115.
- Biggs, J. B. (2011). *Teaching For Quality Learning At University: What The Student Does.* McGraw-Hill Education (UK).
- Bharwani, S., & Jauhari, V. (2017). *An exploratory study of competencies required to cocreate memorable customer experiences in the hospitality industry.* In Hospitality marketing and consumer behavior (pp. 159-185). Apple Academic Press.
- Blalock, L. B., Strieter, L., & Hughes, L. (2006). *The Scans Skills And Competencies Checklist: An Assessment Tool For Youth Work Readiness Programs.* Journal of Youth Development, 1(1), 89-99.
- Bokhari, M., Yahya, A., Rajikon, M. A. N., Hassan, S. N. S., & Pilus, A. M. (2011). *Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit Dalam Memperkasaka Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam.* Journal of Human Capital Development (JHCD), 4(1), 109-123.
- British Council. (2017). *The UK Skills System: An Introduction.* British Council, London. Viewed 27 Feb 2020. Dicapai daripada

[https://www.britishcouncil.org/sites/default/files/bc\\_uk\\_skills\\_sector-an\\_introduction-june\\_2017\\_0.pdf](https://www.britishcouncil.org/sites/default/files/bc_uk_skills_sector-an_introduction-june_2017_0.pdf)

- Buang, Z., & Mohamad, M. M. (2018). *Komunikasi Pensyarah Kolej Komuniti Ledang Dalam Perlaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Online Journal for TVET Practitioners.
- Buntat, Y. B., & Hassan, M. S. B. (2010). *Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa*. Universiti Teknologi Malaysia, 1-10.
- Cassidy, S. (2006). *Developing employability skills: Peer assessment in higher education*. Education and Training. DOI:10.1108/00400910610705890.
- Ceschin, F., Rakowski, R., & de Vere, I. (2017). *The Influence Of Work Placement On The Academic Achievement Of Undergraduate Design Students*. The Design Journal, 20(2), 259-278.
- Chear, S. L. S., & Yunus, M. M. (2019). *Strategi Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 Dalam Latihan Guru Prasekolah*. Southeast Asia Early Childhood Journal, 8(1), 1-10.
- Chua, Y. P. (2022). *Asas Statistik Penyelidikan: Edisi Keempat*. McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd..
